



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TAKZIM



Rujukan : LPJ/IP/T/1JLD6(009)

Tarikh : 19 DISEMBER 2024

PEMAKLUMAN KEPADA JABATAN KERAJAAN BERKAITAN, OPERATOR PELABUHAN, EJEN PERKAPALAN, EJEN PENGHANTARAN, *PENGHANTAR FRET*, PERSATUAN-PERSATUAN, PEMILIK JETI PERSENDIRIAN, TERMINAL DAN PENGGUNA-PENGGUNA PELABUHAN.

PERKARA: ISU-ISU BERBANGKIT BERKENAAN *PILOT RUN MALAYSIA MARITIME SINGLE WINDOW (MMSW)* DI PELABUHAN JOHOR PASIR GUDANG (JOHOR PORT BERHAD-JPB) DAN PELABUHAN TANJUNG PELEPAS (PTP).

1. Rujukan kepada dokumen pemakluman *pilot run MMSW* LPJ/IP/T/1JLD6(007) bertarikh 12 Disember 2024.
2. Inisiatif *MMSW* merupakan inisiatif nasional yang dilaksanakan oleh Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan Malaysia. Pelaksanaan *MMSW* ini adalah seiring dengan kehendak *Convention on Facilitation of International Maritime Traffic (FAL)* yang digariskan oleh *International Maritime Organization (IMO)* untuk mewujudkan tetingkap tunggal (*Single Window*) bagi fasilitasi pengangkutan dan perdagangan untuk Malaysia. Pelaksanaan *MMSW* ini dibuat secara berperingkat bermula dengan Pelabuhan Kelang, Selangor dan seterusnya akan merangkumi seluruh pelabuhan di Malaysia. Ciri-ciri dan elemen yang terdapat di dalam *MMSW* pada masa ini tersedia secara minimum bagi memenuhi keperluan yang dinyatakan. Pihak Kerajaan sentiasa meneliti sebarang isu berbangkit dan mengambil kira cadangan penambahbaikan *MMSW* dari masa ke semasa.
3. Isu-isu berbangkit dan penjelasan:

3.1 Pengguna / syarikat yang tidak terlibat di dalam *pilot run* dikehendaki mendaftar akaun dan mengemas kini maklumat terus di dalam *MMSW*.

Penjelasan:

Pendaftaran di dalam *MMSW* adalah untuk memastikan akaun pengguna / syarikat telah sedia dijana di dalam *MMSW* untuk tujuan pelaksanaan sepenuhnya *MMSW* di pelabuhan / terminal / jeti persendirian di dalam perairan pelabuhan di bawah kawal selia LPJ. Proses migrasi data syarikat / pengguna dari sistem eGateway LPJ ke *MMSW* tidak akan dilaksanakan.

3.2 Tiada paparan data profil kapal di dalam sistem eGateway LPJ.

Penjelasan:

Semua data profil kapal daripada eGateway telah dihantar ke MMSW untuk tujuan penyelarasan data dan set data yang sama telah disalurkan kembali kepada eGateway. Perkara ini dilaksanakan untuk mengelakkan berlakunya duplikasi data yang boleh mengganggu proses integrasi antara MMSW, eGateway dengan sistem milik operator pelabuhan. Namun begitu terdapat data kapal yang hilang ketika proses penyelarasan melalui kaedah migrasi. Oleh itu, untuk data kapal yang tiada di dalam eGateway, pengguna dikehendaki mendaftar semula kapal tersebut di dalam MMSW (Pendaftaran hanya sekali sahaja).

3.3 Pendaftaran profil kapal di dalam MMSW.

Penjelasan:

Bagi memastikan rujukan data profil kapal melalui satu (1) platform gerbang tunggal (*Single window*), semua pengguna termasuk yang tidak terlibat dengan pilot run MMSW dikehendaki melaksanakan pendaftaran profil kapal di dalam MMSW. Oleh yang demikian, fungsi pendaftaran profil kapal di dalam sistem eGateway LPJ ditamatkan.

3.4 Isu pendaftaran kapal kayu (*Wooden ship*) di dalam MMSW susulan terdapat keperluan mengisi data yang kompleks.

Penjelasan:

- a) Pihak LPJ telah menyemak elemen data MMSW yang perlu diisi oleh pengguna bagi kapal jenis tersebut. Bagi data elemen yang mandatori, didapati maklumat yang diperlukan boleh diperolehi berdasarkan dokumen asas milik kapal tersebut. Pengisian maklumat pilihan (*optional*) tidak perlu dilakukan sekiranya tiada dokumen yang boleh menyokong maklumat untuk kapal tersebut.
- b) Sekiranya terdapat isu atau data tambahan kapal yang diperlukan di dalam MMSW, pengguna dikehendaki merujuk kepada Jabatan Laut Malaysia. Harus diingat, keperluan data profil kapal ini adalah juga merujuk kepada keperluan dari pelabuhan-pelabuhan lain di Malaysia serta Jabatan Laut Malaysia. Oleh itu terdapat sesetengah data yang mungkin tidak diperlukan oleh JPB / PTP tetapi diperlukan oleh pelabuhan lain. Oleh yang demikian, pengguna yang mengendalikan kapal jenis tersebut hendaklah melaksanakan pendaftaran kapal di dalam MMSW.

4. Semua pihak digesa memberi kerjasama bagi memastikan MMSW di pelabuhan/ terminal / jeti persendirian yang berada di dalam perairan pelabuhan di bawah kawal selia LPJ dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.
5. Pihak LPJ menghargai pandangan dan cadangan yang dibangkitkan oleh semua pihak. Ianya diambil maklum dan dilaporkan kepada Kerajaan untuk cadangan penambahbaikan.
6. Berikut adalah maklumat khidmat bantuan bagi MMSW:

- i. Hotline: 1-300-133-133
- ii. Talian aplikasi *whatsapp*: 010-4475838.
- iii. E-mel: mmsw_support@dagangnet.com

Sekian, terima kasih.

MALAYSIA MADANI

PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN.

LEMBAGA PELABUHAN JOHOR.

Jalan Mawar Merah 2,
Pusat Perdagangan Pasir Gudang 2,
81700 Pasir Gudang,
Johor.

Tel: +6072534000
Laman web: <https://www.lpj.gov.my>

No. Dokumen : 2401815